

ORANG ASLI BATEQ MELAWAN COVID-19



Laporan NURUL RIDUAN NOR ASHAHA dan LIZA MOKHTAR Foto: MD ADIB MD YUNOS

Sinar HARIAN (20/10/2020) M18 & 19

SIRI 2

Penduduk suku Bateq terpaksa melalui ladang kelapa sawit sebelum merentasi bukit kecil menuju ke lokasi perpindahan di dalam hutan di Gua Musang bagi mengkuarantinkan diri.



Selamatkan orang asli Bateq daripada pupus

Demi keselamatan, seorang bapa sanggup mendukung anaknya di atas bahu sepanjang menempuh perjalanan sejauh tujuh kilometer ke dalam hutan.



Daripada 198,000 orang asli di Malaysia, populasi komuniti suku Bateq cuma 1,648 orang

Populasi orang asli suku Bateq yang cuma berjumlah 1,648 orang menyebabkan masyarakat suku itu perlu terus dilindungi daripada kepupusan.

Menurut Pakar Antropologi dan Sosiologi (Pengajian Peribumi), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Roslan Rosnon, populasi kecil suku Bateq itu mendedahkan mereka kepada ancaman kepupusan sekiranya tidak dilindungi.

“Orang asli suku Bateq juga adalah manusia dan perlu diberikan perlindungan agar mereka berasa selamat untuk mendiami sesuatu kawasan,” kata Roslan dalam temu ramah eksklusif bersama *Sinar Harian* baru-baru ini.

“Mereka memiliki adat dan tradisi yang sangat berharga bukan sahaja untuk suku Bateq tapi untuk kita sebagai rakyat Malaysia, ia perlu dijaga dan dipelihara agar dapat dikekalkan untuk generasi akan datang,” katanya.

Berdasarkan statistik Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) setakat Disember 2019 terdapat lebih 198,000 orang asli daripada pelbagai suku di seluruh negara.

Tambah Roslan, dengan pengetahuan ilmu hutan yang luas dan kemahiran mengemudi kehidupan di dalam belantara, selayaknya orang asli suku Bateq yang berasal daripada kelompok Negrito ini digelar ‘Penjaga Hutan’.

“Majoriti orang asli Bateq mendiami penempatan di kawasan hutan dan pedalaman sekitar Kelantan dan Pahang dan mempunyai hubungan akrab dengan



hutan. “Contohnya, mereka tahu pohon mana yang sesuai untuk dijadikan atap dan dinding pondok. Mereka juga mahir

menggunakan sumpit untuk berburu di hutan.

“Mereka juga arif tentang khasiat herba-herba hutan dan kita seharusnya mempelajari ilmu tersebut. Tidak ketinggalan kita perlu melakukan dokumentasi tentang ilmu rimba, bahasa dan segala yang berkaitan dengan orang asli Bateq untuk tatapan generasi seterusnya,” katanya lagi.



Orang asli Bateq hanya boleh ditemui di Kelantan, Pahang dan Terengganu.





Sinar Harian (20/10/2020) M/S 19



Bekalan air bersih antara salah satu isu yang membelenggu orang asli di Kuala Koh sebelum kerajaan menyediakan kemudahan air terawat dari bawah tanah.

Masyarakat asli suku Bateq walaupun ramai yang sudah beragama Islam, tetapi masih ada juga yang mengamalkan agama adat.

Lantaran itu, masih banyak amalan tradisi dan budaya orang asli Bateq masih diamalkan sehingga ke hari ini antaranya upacara pengebumian yang unik.

“Apabila berlaku kematian dalam kalangan orang asli suku Bateq, mereka tidak menanam mayat sebaliknya menggantung mayat setinggi enam meter di atas pokok.

“Mereka akan membaca mantera supaya mayat tersebut akan dijaga oleh semangat nenek moyang yang berada di



ROSLAN

yang diberikan penempatan semula,” katanya.

Namun, susulan merebaknya virus pembunuh Covid-19 di seluruh negara menyebabkan orang asli suku Bateq kembali ke hutan demi mencari perlindungan.

“Mereka berasa selamat apabila berada di dalam hutan kerana ia adalah kawasan mereka. Ini salah satu cara untuk mereka menjauhkan diri daripada orang luar.

“Keduanya, perpindahan ke dalam hutan merupakan rentetan daripada kes demam campak yang menimpa orang asli Bateq di Kuala Koh sebelum ini yang menyebabkan 14 kematian,” katanya lagi.

Ikhar kekal budaya nenek moyang

GUA MUSANG - Perpindahan masyarakat orang asli suku Bateq ke dalam hutan bagi melawan penularan Covid-19 ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac lalu tidak dianggap sebagai tindakan yang merugikan.

Sebaliknya, menurut anak muda di Kampung Orang Asli Aring 5, Azeli Mamok, 27, perpindahan itu dianggap sebagai menghidupkan kembali budaya nenek moyang mereka yang kian dilupakan generasi baharu.

“Pada hari ini kehidupan kami bukan seperti nenek moyang dahulu. Contohnya kalau bab makanan, mesti kena letak penambah perisa. Kalau tak letak, jadi tak sedap. Sekarang pun kami dah makan kek. Ini adalah contoh kehidupan kami sekarang.

“Jadi apabila kami berpindah ke dalam hutan, kehidupan kami berbeza sama sekali. Bertahun lamanya kami di sini (di kampung), ini merupakan kali pertama kami pindah ke dalam hutan bersama-sama keluarga. Ia satu pengalaman yang unik buat diri kami sebagai orang muda,” katanya kepada *Sinar*



ZULKIFLI

Harian baru-baru ini.

Azeli menegaskan, sebagai generasi baharu orang asli suku Bateq, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk mengekalkan budaya yang dihidupkan oleh nenek moyang mereka dahulu.

“Jika bukan kami, siapa lagi yang akan meneruskan budaya ini? Saya akan pastikan bahawa anak-anak saya

akan bertanggungjawab dalam meneruskan dan menghidupkan semula amalan ini supaya ia tidak terus pupus,” katanya.

Sama seperti Azeli, Zulkifli Samad, 28, yang mempunyai tiga orang anak berkata, ketika perpindahan itu dia mempelajari pelbagai perkara untuk hidup di dalam hutan terutamanya melibatkan proses mencari makanan.

“Tidak semua tumbuhan boleh dijadikan sumber makanan. Begitu juga dengan buluh yang dijadikan sebagai peralatan memasak nasi dan lauk-lauk. Silap guna buluh, kami semua akan keracunan.

“Jadi perpindahan ketika Covid-19 ini mengajar kami semua erti sebenar kehidupan nenek moyang,” katanya.

mangat nenek moyang yang berada di dalam hutan,” kata Roslan sambil menambah mantera turut dibaca agar mayat itu tidak diganggu binatang buas.

Dalam pada itu, orang asli suku Bateq akan berpindah ke suatu tempat baharu apabila berlaku kematian kerana mereka percaya kewujudan semangat tidak baik di kawasan tersebut.

“Hidup berpindah-randah merupakan tatacara kehidupan suku Bateq yang tinggal di pedalaman, namun ada yang sudah mengalami pemodenan terutama mereka

Menurut Roslan, bagi memastikan survival orang asli suku Bateq aspek pembangunan perlu dilihat daripada konteks mereka.

“Mungkin kita melihat suku Bateq ini mundur tetapi daripada kaca mata mereka, mereka tidak berasa mundur.

“Dalam melihat sesuatu masyarakat kita perlu melihat dalam konteks mereka bukan daripada lensa kita. Kita perlu memahami kehendak dan kemahuan mereka,” katanya.



Tradisi dan kesenian orang asli suku Bateq harus dikekalkan supaya ia tidak pupus ditelan zaman.

Tiga lagu jadi peneman perpindahan

GUA MUSANG - Perpindahan semula ke dalam hutan oleh masyarakat orang asli suku Bateq ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) memberi makna mereka terpaksa meninggalkan dunia moden di kampung halaman, Kampung Orang Asli Aring 5 di sini.

Jika di kampung rata-rata penghuni sudah memiliki telefon bimbit dan mempunyai televisyen di rumah tetapi semua itu ditinggalkan dalam tempoh hampir dua bulan angara Covid-19.

Biarpun dalam tempoh itu mereka terputus dengan dunia luar namun ada aktiviti menghidupkan suasana malam mereka.

Tiga lagu klasik orang asli Bateq yang bertajuk *Oh Besen*, *Ulam Betawir* dan *Angkut-Angkut* menjadi



FAIZAL

siulan penghuni alam bentara yang terletak tujuh kilometer dari perkampungan asal.

Faizal Anjang, 39, yang merupakan penyanyi bagi kumpulan tari-an tradisional Sarijam Tanjung berkata, tiga lagu berkenaan merupakan lagu yang berkisarkan tentang aktiviti harian yang dilakukan oleh penduduk kampung.

Oh Besen merupakan lagu yang berkisarkan tentang memanggil seorang penduduk bernama Besen yang memasuki hutan supaya pulang ke rumah.

Ulam Betawir pula berkisarkan tentang ulam-ulaman manakala *Angkut-angkut* pula merupakan aktiviti mengangkat barangan.

“Biasanya lagu ini dimainkan ketika sambutan pesta bunga atau keramaian seperti sewang,” katanya.